

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah laluan jajaran terbaru Sarawak Sabah Link Road (Fasa 1). Adakah Surat Tawaran telah diberi kepada kontraktor dan bila dijangka tarikh siap projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek *Sarawak-Sabah Link Road (SSLR)* Fasa 1 telah diawad untuk tujuan pelaksanaan pada 16 Julai 2021 dengan harga kontrak semasa sebanyak RM1.13 bilion. Skop projek ini melibatkan pembinaan kombinasi jajaran jalan baharu dan sedia ada sepanjang 77 kilometer dari Bandar Lawas ke Persimpangan Long Lopeng. Berdasarkan kontrak, projek ini akan mengambil masa selama 53 bulan untuk disiapkan, iaitu jangkaan siap projek adalah pada Januari 2026.

Sekian, terima kasih.